

Peraturan kegiatan mahasiswa IPTA akan diselaras

BH 12 JUN 2001
Oleh Zulkofli Jamaludin dan Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu -- Semua peraturan mengenai kegiatan persatuan mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan diselaraskan bagi membendung kegiatan antikerajaan.

Pelarasan peraturan itu yang kini di peringkat kajian, dibuat bagi memastikan pelajar IPTA memberi sepenuh tumpuan terhadap pelajaran dan kegiatan yang boleh mencerna kecemerlangan ilmu.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, berkata Kementerian Pendidikan dan semua IPTA berganding bahu untuk menyelaras peraturan itu.

"Kita sedang mengkaji pada peringkat nasional untuk membuat peraturan ini. Masalah ini bukan saja berlaku di UM, tetapi semua IPTA," katanya, kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau sebelum itu memberi taklimat kepada Yang diPertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah, mengenai kebajikan Dewan Tunku Canselor UM, 29 Jun lalu.

Katanya, kajian mengenai peraturan baru itu akan mengambil kira cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan mengenai masalah pelajar.

Dr Mahathir sebelum ini memberi amaran, pelajar institusi pengajian tinggi yang didapati terbabit dalam gerakan menentang kerajaan, akan disingkir.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengenakan syarat seperti itu kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti kerana ramai pelajar, terutama Melayu, terbabit dalam gerakan antikerajaan.

Dr Anuar Zaini berkata, UM sentiasa mengikut apa saja arahan atau dasar yang diputuskan oleh kerajaan bagi membendung kegiatan antikerajaan.

"Ini bukan saja kerja universiti, tetapi melibatkan pihak berkuasa polis," katanya.

Ditanya apakah kegiatan pelajar akan terhakis dengan peraturan itu, beliau berkata UM akan memastikan kegiatan yang berte-raskan ilmu terus berkembang subur.

"Kita mahu budaya kecemerlangan ilmu. Inilah yang saya sentiasa saran kepada pelajar dan kakitangan UM, bukan budaya lain.

"Sekiranya kegiatan (pelajar) dapat menyemarakkan kemajuan... apa perlu sekat, kita harus membe-ri galakan," katanya.

Mengenai bukti tindak tanduk dalang menyebarkan fahaman antikerajaan di kampus UM yang dise-rahkan oleh Pergerakan Pemuda Umno minggu lalu, Dr Anuar Zaini berkata beliau akan mengkaji bukti itu.

Katanya, UM sentiasa memantau kegiatan pelajar dan sedia bekerjasama dengan polis bagi memastikan kegiatan yang boleh menjejaskan ketenteraman dapat dibendung.